

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG
23 OGOS 2016
SELASA



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
HARIAN METRO	PENDUDUK DIMINTA HATI-HATI KEJADIAN CUBAAN PECAH RUMAH	2
SINAR HARIAN	TIGA RUMAH DIPECAH MASUK	3




HARIAN METRO

HM 23/8/16

Johor Bahru

Penduduk diminta hati-hati kejadian cubaan pecah rumah



PAGAR rumah mangsa yang tercabut dalam kejadian pecah rumah.

Penduduk di Taman Scientex, Pasir Gudang, di sini, diminta berhati-hati berikutan terdapat laporan berhubung kejadian cubaan pecah rumah membatikan tiga kediaman dalam kejadian awal pagi, minggu lalu.

Ketua Polis Daerah Seri Alam Superintendan Johkhiri Abd Aziz berkata, lokasi berkenaan kini menjadi sasaran kumpulan penjenayah yang gemar mencuri komponen motosikal berdasarkan laporan daripada tiga mangsa selepas kediaman mereka diceroboh.

Beliau berkata, laporan diterima hanya membatikan pecah masuk kawasan pagar oleh suspek dengan mengumpul pintu pagar.

“Hasil siasatan mendapati rumah mangsa tidak dipecah masuk tetapi terdapat barangan yang hilang seperti topi keledar dan peralatan motosikal.

“Kejadian tidak disedari oleh mangsa dan siasatan polis masih dijalankan,” katanya.

Beliau berkata, pihaknya mempertingkatkan tindakan pencegahan dan rondaan berkala di kawasan terbabit.

Seorang mangsa yang mahu dikenali sebagai Rosmawati, 32, berkata, dalam kejadian jam 4 pagi, 18 Ogos lalu, pagar rumahnya terjatuh ketika cubaan penjenayah mengumpulnya menyebabkan bunyi yang kuat sebelum mereka bertindak melarikan diri.



SINAR HARIAN

S# 23/8/16

Tiga rumah dipecah masuk

JOHOR BAHRU - Taman Scientex, Pasir Gudang di sini, gempar apabila tiga rumah penduduk menjadi mangsa pecah rumah, minggu lalu.

Salah seorang mangsa yang hanya mahu dikenali sebagai Rosmawati, 32, berkata hanya barangan dan aksesori motosikal yang diambil penjenayah ketika kejadian.

Menurutnya, dalam kejadian kira-kira jam 4 pagi, Khamis lalu, rumahnya gagal dicerobohi apabila tindakan penjenayah terbabit mengumpul pagar tidak berjaya dan mengakibatkan pagar jatuh ke bawah, sekali gus menghasilkan bunyi yang kuat.

"Dalam satu malam tu, terdapat tiga rumah dipecah masuk. Rumah yang pertama semua barangan motosikal mangsa mereka ambil, manakala rumah kedua pula mereka tukar topi keledar mereka dengan mangsa.

"Rumah saya adalah rumah ketiga, namun mereka tak sempat ambil apa-apa barang kerana pagar rumah saya jatuh dan bunyi kuat mungkin



Kedadaan pagar masuk rumah salah seorang mangsa yang diumpul.

menakutkan mereka lalu melarikan diri," katanya ketika dihubungi, semalam.

Rosmawati berkata, kejadian itu dipercayai berlaku jam 4 pagi, namun dia hanya menyedarinya kira-kira jam 6.30 pagi apabila jiran bersebelahan rumah menghubunginya dan menghantar gambar pagar rumahnya yang rosak melalui aplikasi *WhatsApp*.

Katanya, kejadian itu adalah pertama kali menimpa rumahnya.

Tambah Rosmawati, di sekitar kawasan perumahan itu memang kerap menjadi sasaran kes pecah masuk ru-

mah, termasuk rumah jiran-nya yang dipecah masuk bulan lalu menyebabkan kehilangan tayar motosikal.

"Semua mangsa dah buat laporan polis dan siasatan masih dijalankan, Namun, polis turut mencadangkan supaya kawasan perumahan ini mengajikan pengawal keselamatan untuk waktu malam sahaja memandangkan agak kerap dijadikan sasaran pencuri," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Seri Alam, Superintendan Johhiri Abd Aziz mengesahkan ada menerima laporan polis dibuat

kesemua mangsa dan mengesahkan kejadian hanya membabitkan pecah masuk kawasan pagar dengan mengumpul pintu pagar.

"Hasil siasatan mendapati rumah kesemua mangsa tidak dipecah masuk, tetapi terdapat barangan yang hilang seperti topi keledar dan peralatan motosikal.

"Kejadian tidak disedari mangsa dan siasatan polis masih dijalankan," katanya.

Beliau berkata, pihaknya akan mempertingkatkan tindakan pencegahan dan rondaan berkala di kawasan berkenaan.

